



Pengaruh amalan komunikasi terhadap penglibatan belia dalam kesukarelawanan

Mohd Yusri Ibrahim

Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

Correspondence: Mohd Yusri Ibrahim (email: yusri@umt.edu.my)

Abstrak

Golongan belia adalah modal insan yang penting. Mereka adalah pemimpin masa depan yang akan menyumbang kepada kejayaan negara. Bagi mencapai hasrat tersebut, belia perlu lebih bertanggungjawab, prihatin dan banyak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, belia pada hari ini didapati kurang melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan khususnya di peringkat komuniti. Kertas konsep ini membincangkan faktor-faktor yang dijangka akan mempengaruhi penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan. Berpandukan teori dan dapatkan kajian lepas, kajian keperpustakaan ini mencadangkan komunikasi interpersonal, komunikasi organisasi dan komunikasi media sebagai faktor yang boleh menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan di peringkat komuniti.

Kata kunci: aktiviti kesukarelaan, belia, kemahiran komunikasi, kerja sosial, kesukarelawanan, modal insan

The influence of communication practices on youth's participation in volunteerism

Abstract

Youths are important human capital, they are the future leaders who will contribute to the nation's success. To achieve the goal, youth need to be more responsible, caring and involved in community activities. However, today's youth were found to be less likely to get involved in volunteerism, especially at the community level. This concept paper discussed the factors that are expected to influence the involvement of youth in volunteerism. Based on the theory and findings of previous studies, this literature study suggests interpersonal communication, organizational communication and media communication as factors that can encourage youth engagement in volunteerism at community level.

Keywords: engagement in volunteerism, youth, communication skill, social work, volunteerism, human capital

Pengenalan

Belia didefinisikan sebagai orang muda yang berumur antara lingkungan 15 hingga 24 tahun (Ho, et al., 2015; UNESCO, 2012; Weinstock, et al., 2004). Namun dalam konteks Malaysia, Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 telah mendefinisi belia sebagai penduduk yang berumur 15 hingga 40 tahun. Dalam sesebuah negara, belia membentuk majoriti dalam komposisi

penduduk dan kedudukannya cukup penting dalam konteks pembangunan negara (Haslinda et al., 2012). Dalam aspek sosial, kerajaan Malaysia telah mengiktiraf belia sebagai pemimpin masa depan untuk kesejahteraan negara dan masyarakat. Masa depan negara bangsa akan dicorak oleh belia yang ada pada hari ini. Jika berkualiti belia, cerahlah masa depan sesebuah negara.

Selain itu, belia juga dilihat sebagai sumber atau tenaga kerja penting untuk mengekalkan pembangunan berterusan negara dan pertumbuhan bagi memacu negara ke hadapan dan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan mencapai hasrat Tranformasi Nasional 2050, kerana belia merupakan penggerak negara pada masa akan datang. Golongan belia merupakan tulang belakang pada masa akan datang untuk memerintah negara (Sarimah et al., 2014), harapan tinggi diletakkan di bahu belia oleh pemimpin dan masyarakat supaya belia menjadi lebih bertanggungjawab, berkeyakinan, berwibawa, aktif dan cekap dalam pelbagai aspek. Semua ciri tersebut adalah persediaan penting yang perlu dimiliki oleh belia untuk membentuk modal insan berkualiti dan aset berharga bagi menyumbang kepada kesejahteraan komuniti, masyarakat dan negara.

Sebagai golongan muda yang sihat fizikal, cergas minda dan memiliki pemikiran yang lebih terbuka, golongan belia perlu peka, mengambil berat serta melibatkan diri dalam kehidupan berkomuniti. Belia seharusnya melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan di peringkat komuniti, khususnya penyertaan dalam aktiviti kesukarelawanan dan kejiranan. Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan menjadi isu yang semakin penting dalam memenuhi pembangunan dan cabaran terhadap kesejahteraan individu dan komuniti (Ezhar & Madiha, 2015). Belia perlu melibatkan diri secara aktif dalam kerja-kerja sosial di peringkat komuniti sama ada gotong royong, aktiviti keagamaan, kawalan keselamatan dan sebagainya. Bahkan lebih baik jika aktiviti kesukarelawanan dalam komuniti dipelopori oleh golongan belia, dengan sedikit tunjuk ajar dan panduan oleh anggota komuniti yang lebih berusia dan berpengalaman.

Walaupun didesak supaya aktif melibatkan diri dalam kerja sosial dan kesukarelawan, kajian-kajian oleh Ezhar dan Madiha (2015), Warren, et al. (2014), Sarimah et al. (2014) dan Haslinda et al. (2012) menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam aktiviti komuniti tersebut masih berada pada tahap yang belum memuaskan. Semakin hari penglibatan belia semakin merosot. Perkembangan ini sedikit membimbangkan, serta dilihat bertentangan dengan hasrat yang ingin dicapai melalui Wawasan 2020 dan Transformasi Nasional 2050, iaitu untuk membentuk masyarakat maju dengan mengekalkan nilai tradisi yang murni, khususnya dalam konteks hidup bermasyarakat dalam rumpun komuniti yang murni, saling bantu membantu untuk kesejahteraan kehidupan secara bersama.

Proses merawat semula masalah keterlibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan perlu dimulakan dengan mengenal pasti faktor-faktor yang menggalakkan keterlibatan mereka dalam aktiviti murni tersebut. Faktor-faktor penggalak ini yang kemudian perlu dirangsang secara berterusan bagi meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan.

Kertas konsep ini akan meninjau dan membincangkan faktor-faktor yang dijangka akan menyumbang kepada penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dalam komuniti. Oleh kerana faktor-faktor psikologi kendiri dan sosial seperti faktor demografi, motivasi, personaliti, keluarga, kejiranan, agama dan sebagainya telah sering diperbincangkan dalam kajian-kajian lepas, sorotan ini akan memberi fokus terhadap faktor amalan komunikasi yang mempunyai hubungan dengan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan yang belum diberi perhatian mendalam oleh penyelidik-penyalidik sebelum ini.

Isu dan permasalahan

Dalam usaha untuk mencapai tahap negara maju yang berpendapatan tinggi, ada harga yang terpaksa kita bayar, khususnya dalam aspek keciciran nilai. Antara isu yang sering diperbahaskan mutakhir ini adalah kemerosotan budaya kesukarelawanan dalam kalangan

anggota komuniti, khususnya melibatkan generasi muda. Generasi hari ini dilihat semakin menjauhi aktiviti kesukarelawanan sosial seperti gotong royong kenduri, kawalan keselamatan kejiranan, bantuan semasa bencana dan sebagainya. Isu penglibatan belia dalam aktiviti sukarela kelihatan semakin jelas apabila gaya hidup terbuka dan amalan demokrasi dilaksanakan. Gaya hidup seperti itu telah memberi kesan kepada penurunan ketara penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan berbanding tahap penglibatan daripada generasi yang lebih tua (Zhang & Lallana, 2013) yang majoritinya masih mengekalkan budaya hidup lama.

Walaupun tidak menafikan masih ada belia yang melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan, namun lebih ramai belia yang gemar menghabiskan masa dengan perkara yang kurang berfaedah seperti melepak di pantai, menyertai konsert, berhibur, berlumba dan melakukan perbuatan jenayah. Belia sering dikritik kerana kurang penglibatan dalam isu-isu yang berkaitan dengan sosial (Warren et al., 2014). Lebih memburukkan keadaan, kritikan oleh orang awam dan anggota masyarakat yang lain bukan menyedarkan golongan belia, malah menjadikan perasaan marah mereka semakin membuak-buak. Perkembangan terkini menunjukkan belia semakin kurang bertanggungjawab untuk membantu orang lain (Sarimah et al., 2014), tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial, serta hanya berada dalam kelompok seusia sahaja.

Bukan sekadar golongan belia yang umum, penglibatan belia yang menuntut di institusi pengajian tinggi juga masih berada pada tahap yang rendah. Universiti adalah tempat terbaik untuk memberi kesedaran dan melatih belia tentang peranan mereka dalam pembangunan sosial dan komuniti. Namun daripada segi kemajuan, belia yang mengambil bahagian semasa di universiti adalah sangat rendah. Agak membimbangkan apabila pendidikan berjaya menghasilkan belia yang begitu berpengetahuan dan pakar dalam teknologi, namun kurang dari segi penglibatan sebagai sukarelawan (Sarimah et al., 2014). Sepatutnya individu yang mempunyai pengetahuan tinggi lebih cenderung dan mempunyai banyak peluang dalam penglibatan kesukarelaan, namun mereka juga mudah untuk terpengaruh dan terus terabai (Head, 2011).

Sikap belia itu sendiri yang tidak peduli terhadap isu-isu sosial yang berlaku dalam komuniti (Warren et al., 2014) terutama di kawasan tempat tinggal mereka juga menjadi penyebab mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan. Perkembangan ini menyebabkan penglibatan golongan belia dalam aktiviti kesukarelaan jadi yang semakin buruk (Delli, 2000). Perkembangan ini sangat menakutkan, memberi bayangan bahawa nilai-nilai murni dalam komuniti semakin menghakis dan lenyap. Andai keadaan ini berterusan, teras penting yang membentuk kesejahteraan hidup bermasyarakat akan runtuh, sekaligus meruntuhkan paksi utama sesebuah negara bangsa. Isu dan permasalahan ini perlu diperdebat semula, perlu dicari faktor penyebab, serta perlu dirangka rancangan penyelesaian bersifat jangka pendek dan jangka panjang.

Penglibatan dan kesukaralewanan

Kesukarelawanan boleh didefinisikan sebagai perbuatan melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, niat yang ikhlas, serta tanpa paksaan untuk menyumbang secara positif kepada alam sekitar, individu, kumpulan atau komuniti tanpa menerima upah berbentuk kewangan (Azizan, 2013; Wilson, 2000). Penglibatan pula boleh dirujuk kepada satu bentuk interaksi sosial, iaitu ada pihak yang terlibat dalam sesuatu aktiviti dan akan mengambil bahagian serta bekerjasama dengan berperanan secara aktif dalam mencipta, merancang dan melaksanakan aktiviti kesukarelaan secara bersama (Teuku Afrizal & Abdul Rahman, 2013).

Selain itu, penglibatan juga merujuk kepada keupayaan individu untuk mendapatkan sumber-sumber, memudahkan akses kemasukan dan proses membuat keputusan dalam pelbagai bidang yang melibatkan komuniti (Toks Oyedemi, 2015), termasuklah bidang ekonomi, budaya, sosial, kesihatan, pendidikan, penempatan dan kemiskinan. Penglibatan kesukarelaan boleh berbentuk secara individu atau kolektif, secara berorganisasi atau secara spontan (Huntington &

Nelson, 1976). Penglibatan sukarela secara kolektif dalam organisasi akan bertahan lebih lama dan berkesan berbanding dengan penglibatan secara spontan, individu atau sementara (Teuku Afrizal & Abdul Rahman, 2013). Contoh penglibatan secara kolektif dan berorganisasi seperti yang dipraktikkan oleh organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) pada hari ini.

Walaupun budaya kesukarelawanan ini merupakan teras murni masyarakat serta dibudayakan secara meluas oleh generasi terdahulu, namun semakin dipinggirkan oleh generasi sekarang, khususnya dalam kalangan belia dan anak muda (Haslinda et al., 2012; Ibrahim et al., 2012). Generasi sekarang lebih suka hidup dan mengambil hal sendiri, serta kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan. Akibatnya, banyak urusan-urusan yang sebelum ini diuruskan secara gotong royong ahli komuniti terpaksa diserahkan kepada pihak swasta yang menawarkan perkhidmatan tersebut atau menyerahkan kepada pihak berkuasa kerajaan yang bertanggungjawab.

Bagi mengatasi permasalahan yang menghilang nilai murni masyarakat ini, telah banyak kajian dijalankan (Azizan, 2013; Ibrahim et al., 2012), namun isu tersebut belum dapat diselesaikan, bahkan semakin teruk hari demi hari (Ibrahim et al., 2012). Kajian-kajian tersebut juga masih belum menemui faktor penyumbang yang paling signifikan untuk menyumbang secara berkesan dan menyeluruh terhadap tingkah laku kesukarelawanan dalam kalangan belia. Lanjutan itu, penyelidik dan sarjana sosial terus menyarankan agar penyelidikan, penelitian, diskusi dan wacana untuk menangani isu ini dilaksanakan tanpa jemu, sehingga sistem sosial kita menemui resepi yang ampuh untuk menangani permasalahan ini.

Walaupun telah ada kajian berkaitan untuk menangani isu kesukarelawanan ini, namun majoriti kajian menekankan kepada aspek psikologi kesukarelaan berbanding aspek komunikasi (Kramer et al., 2013; Kramer, 2011; Haski-Leventhal & Bargal, 2008). Dalam masa yang sama, kajian oleh sarjana antaranya Kim dan Ball-Rokeach (2006) dan Ball-Rokeach (2001) sering mendapati masalah keterlibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan sering datang bersama dengan masalah tingkah laku komunikasi kumpulan belia tersebut.


Perbincangan ini akan cuba meneroka perkaitan antara amalan komunikasi seseorang belia dengan budaya keterlibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. Bagi meneroka dan mencari jawapan terhadap permasalahan ini, perbincangan ini akan meneliti Teori Komunikasi Infrastruktur (TKI) yang dibangunkan oleh Ball-Rokeach et al. (2001) serta karya-karya kesusasteraan berdasarkan dapatan kajian lepas. Daripada teori dan sorotan ini, akan dicadangkan model konsep untuk meramal amalan kesukarelawanan belia berdasarkan tingkah laku dan kemahiran komunikasi yang mereka amalkan.

Pendekatan teori

Dalam konteks komunikasi, tingkah laku penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan komuniti boleh diramal menggunakan Teori Komunikasi Infrastruktur (TKI) (Ball-Rokeach et al., 2001; Ball-Rokeach et al., 2000; Ball-Rokeach, 1988; Ball-Rokeach, 1985). Teori ini mencadangkan tingkah laku dalam rangkaian penceritaan dalam kejiraninan iaitu dalam keluarga, bersama jiran, bersama rakan sebaya, antara etnik dalam kejiraninan, dengan organisasi komuniti dan interaksi menggunakan media tempatan akan mempengaruhi rasa kepunyaan dalam kejiraninan, sekaligus menyumbang kepada tindakan dalam kehidupan berkomuniti (Rajah 1).

Walaupun teori ini umum terhadap semua tindakan untuk mewujudkan iklim komuniti kejiranan yang sihat dalam aspek kemudahan awam, sumber kesihatan, pendidikan kanak-kanak, penguatkuasaan peraturan bagi menjamin kesejahteraan kejiranan, keselamatan dan sebagainya, namun teori ini juga terpakai untuk meramal tingkah laku penglibatan ahli komuniti kejiranan terhadap kerja-kerja kesukarelawanan seperti gotong royong untuk kenduri-kendara dan kebersihan kejiranan; bekerjasama mengawal keselamatan kawasan tempat tinggal; tolong menolong semasa bencana; bekerjasama mengharungi krisis; menguruskan kematian; dan sebagainya.

Berpandukan TKI tersebut, masalah penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan boleh cuba diatasi dengan memanipulasi dan mempergiatkan faktor peramalnya iaitu meningkatkan keberkesanannya komunikasi dalam aspek interpersonal belia, menggalakkan belia berkomunikasi dengan organisasi komuniti, serta meningkatkan keberkesanannya belia dalam komunikasi media, khususnya media maya yang begitu popular dewasa ini.



Sumber: Ball-Rokeach et al., 2001

Rajah 1. Corak tindakan Teori Komunikasi Infrastruktur

Komunikasi keluarga

Komunikasi dalam keluarga mempunyai pengaruh besar terhadap keterlibatan golongan belia dalam kerja sosial kerana keluarga adalah pencerita atau penyampai sumber maklumat yang pertama apabila bercakap mengenai sesuatu peristiwa seperti perubahan jalan raya atau majlis (Kim & Ball-Rokeach, 2006) seperti kenduri kahwin, majlis tahlil dan gotong-royong yang berlaku di kawasan komuniti kepada belia. Komunikasi keluarga merupakan suatu proses yang sentiasa berlaku dan tidak akan pernah berakhir. Unit keluarga seperti ibu bapa, datuk, nenek sebagai pemimpin dan berdaya maju dalam komunikasi akan mempengaruhi penglibatan kesukarelaan (Wilkin et al., 2009) dalam kalangan belia terhadap aktiviti komuniti.

Oleh itu, komunikasi terbuka keluarga sangat memainkan peranan, (Rosenthal et al., 2010), tanpa komunikasi terbuka, penghayatan terhadap orientasi kesukarelaan bersama keluarga tidak akan berlaku. Komunikasi secara terbuka dalam keluarga perlu di aplikasi dan dipupuk. Komunikasi keluarga merupakan peluang untuk berkongsi dan memahami perkara mengenai komuniti (Wilkin et al., 2009), dijadikan penghubung utama (McIntosh et al., 2007; Loges et al., 2003), dan menjadi motivasi dalam penglibatan dalam aktiviti kesukarelaan. Kajian menunjukkan ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti sukarela akan mempengaruhi anaknya untuk turut terlibat. Tambahnya lagi, belia lebih bersifat terbuka semasa orientasi bersama ibu bapa untuk memahami dan menganalisis perbincangan mengenai penglibatan kesukarelaan dalam aktiviti.

Komunikasi kejiranan

Kejiranan merupakan modal sosial untuk perpaduan masyarakat (Mohd Yusuf et al., 2011; Sampson, 2002). Istilah tersebut merujuk kepada masa individu atau masyarakat dan tenaga yang dihabiskan dalam perkara seperti kepercayaan masyarakat, rangkaian sosial, penglibatan sivik dan aktiviti-aktiviti lain yang mewujudkan ikatan sosial antara individu dengan kumpulan (Grootaert et al., 2004). Hubungan kejiranan mewujudkan komunikasi sosial yang sempurna dan mampu menggalakkan perpaduan dalam kalangan penduduk setempat (Mohd Yusuf et al.,

2011). Komunikasi kejiranan akan menghidupkan aktiviti kesukarelaan dalam kalangan belia melalui penyebaran maklumat tentang sesuatu aktiviti.

Hal ini kerana sumber maklumat yang dibawa dalam rangkaian penceritaan oleh jiran dikaitkan dengan tahap penglibatan kesukarelaan yang tinggi dalam bentuk kekitaan dan keberkesanan kolektif (Kim & Ball-Rokeach, 2006a; Kim & Ball-Rokeach, 2004; Kim, 2003; Ball-Rokeach et al., 2001; Ball-Rokeach et al., 2000). Selain itu, jiran akan berkomunikasi sesama jiran tentang komuniti mereka (Wilkin et al., 2009), mengenai pertubuhan komuniti, bercerita mengenai isu komuniti dan mempunyai hubungan peribadi atau profesional dengan media tempatan untuk dihubungkan kepada orang awam

Hubungan kejiranan yang baik boleh dizahirkan menerusi sumbangan komuniti melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan (Mohd Yusuf et al., 2011) oleh komuniti setempat. seperti gotong royong membersihkan masjid atau kubur yang melibatkan semua golongan. Selain itu, penduduk yang berinteraksi dengan jirannya boleh membentuk sebuah komuniti yang sempurna dan berkualiti, (Mohd Yusuf et al., 2011), maksudnya disini mereka mampu untuk duduk bersama dan berbincang serta bersedia menerima nasihat atau teguran dengan tenang.

Kejiranan sosial telah memudahkan individu untuk membuat keputusan melalui penglibatan dalam pelbagai kumpulan komunikasi untuk bertukar-tukar maklumat, mengenal pasti masalah dan penyelesaian, menguruskan maklumat bercanggah dan meningkatkan kesihatan (Sampson et al., 2002). Dengan itu, belia melihat diri mereka sebagai individu yang menjaga antara satu sama lain, bersedia untuk menyelesaikan isu dan menunjukkan komitmen yang lebih tinggi dalam penglibatan kesukarelaan apabila tinggal di kawasan kejiranan (Lenzi et al., 2013; Kahne & Sporte, 2008; Flanagan Cumsille et al., 2007).

Komunikasi rakan sebaya

Rakan sebaya ialah kumpulan yang berumur dalam lingkungan yang sama seperti rakan sekolah, sekerja ataupun mempunyai hubungan persahabatan dalam berkongsi pengalaman, perasaan serta pandangan tentang hidup dan amat mempengaruhi pembentukan tingkah laku (Siti Rabaah et al., 2012). Selain itu, rakan sebaya juga merupakan individu yang sangat rapat dan dipercayai oleh golongan belia. Rakan sebaya dijadikan sebagai pengganti oleh golongan belia untuk mencurahkan masalah dan tempat mengadu masalah yang dihadapi dalam kehidupan sehari-hari selepas kedua ibu bapa.

Disamping itu juga, Siti Ra'bah et al. (2012) menyatakan rakan sebaya memainkan pelbagai peranan antaranya adalah tempat membuat rujukan, mencari identiti, mempengaruhi kecenderungan dan cita-cita, membuat penilaian dan meneguhkan nilai sendiri, kaunselor rakan sebaya, peneguh tingkah laku, tempat mencuba peranan. Rakan sebaya juga berperanan dalam menyelesaikan masalah, peluang menjadi pemimpin, tempat mencuba peranan baru; dan yang terakhir adalah berkongsi pengalaman serta peluang untuk berkomunikasi dan memahami perbezaan jantina yang berlainan.

Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan kumpulan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam penglibatan kesukarelaan (Haski-Leventhal et al., 2008), merupakan satu motif penting kepada belia untuk menjadi sukarelawan yang memberi kesan kepada kepuasan, komitmen dan pengekalan seorang kesukarelaan. Hal ini demikian kerana, rakan-rakan merupakan individu penting kerana berkongsi minat dan sifat-sifat sosial yang sama (Smetana et al., 2006), terutama dalam memupuk nilai positif dan murni apabila melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelaan bersama komuniti. Perkara tersebut disokong oleh kajian Sheau et al. (2011) menekankan persahabatan dalam konteks *Friendship Social Capital* yang bertindak sebagai platform golongan belia mendekati komuniti dan melibatkan diri dalam aktiviti (Barry & Wentzel, 2006; McLellan & Youniss, 2003), terutamanya rakan-rakan belia yang sangat rapat.

Komunikasi geo-etnik

Konsep geo-etnik telah dibangunkan dalam konteks komunikasi ekologi dan struktur dinamik sesuatu etnik. Geo-etnik merupakan komunikasi mengenai identiti dan ciri-ciri sesuatu kawasan atau bahagian yang penting dalam konteks tindakan komunikasi (Kim et al., 2006; Kim Jung & Ball-Rokeach, 2002). Menurut Kim et al., (2006), geo-etnik memberi kesan kepada kualiti rangkaian penceritaan komuniti dan kapasiti dalam menjana penglibatan kesukarelaan.

Para penyelidik daripada pelbagai bidang mendapati perbezaan etnik yang ketara mengenai bagaimana individu melibatkan diri dengan komuniti tempatan mereka (Ellison & London, 1992; London & Giles, 1987; Cohen & Kapsis, 1978; Kuo, 1977). Bagi menghidupkan semula komuniti sukarela, Ball-Rokeach et al. (2001) memberi tumpuan kepada peluang struktur komunikasi yang berbeza dengan menjadikan mudah atau sukar bagi komuniti etnik (pendatang baru atau lama) sesuatu kawasan membina komuniti sukarela (Kim, 2003).

Oleh itu, proses pembinaan hubungan antara komuniti dengan pelbagai etnik bersama belia adalah sangat penting dan sesuai di amalkan di Malaysia sejak dulu lagi. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, amalan dan setiap institusi memerlukan hubungan komunikasi di antara etnik (Delli Carpini, 1998) bagi merancakkan lagi penglibatan mereka dalam aktiviti bersifat komuniti, khususnya kerja-kerja kesukarelawanan.

Komunikasi organisasi komuniti

Organisasi komuniti memainkan peranan sebagai pencerita dalam model komunikasi infrastruktur yang melibatkan penglibatan kesukarelaan (Kim & Ball-Rokeach, 2006). Komuniti boleh dirujuk sebagai kelompok manusia yang mempunyai interaksi jalinan dan ikatan sosial yang terbentuk antara mereka. Selain itu, komuniti terdiri daripada individu, keluarga dan kelompok dalam ruang fizikal yang sama (Teuku Afrizal & Abdul Rahman, 2013) untuk menghidupkan institusi-institusi sosial dengan aktiviti kesukarelaan dalam kehidupan seharian mereka.

Berdasarkan kajian Kwok et al., (2015), Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK) merupakan sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan semata-mata tetapi terbentuk atas dasar inisiatif ahli komuniti itu sendiri yang bertujuan bertindak balas terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka. Tambahan lagi, OBK sebuah organisasi yang ingin memenuhi keperluan komuniti menerusi tindakan kolektif dan penglibatan daripada ahli komuniti setempat dengan harapan usaha tersebut dapat membangun dan meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti tersebut.

Sesebuah organisasi komuniti wujud disebabkan oleh kelompongan dalam menyediakan perkhidmatan daripada pihak tertentu kepada komuniti sasar berkenaan maka berhasil gerakkan sektor ketiga atau sektor sukarela (Korten, 1987) telah muncul sebagai sektor alternatif dalam menangani isu-isu komuniti tersebut. Oleh itu, kewujudan organisasi berdasarkan komuniti dilihat sebagai asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh anggota komuniti itu sendiri (Kwok et al., 2015), pergerakan komuniti akan membantu golongan belia untuk terus terlibat dalam aktiviti kesukarelaan.

Peranan paling penting dalam sesuatu organisasi komuniti adalah proses pembinaan komuniti (Wilson, 2001). Pembangunan komuniti melibatkan individu yang ikhlas dalam berkomunikasi antara satu sama lain dan komited untuk hidup bersama-sama (Gudykunst, 1994). Ini kerana, komuniti dianggap sebagai aktor penceritaan di kawasan kejiranan dan merupakan rangkaian penceritaan atau sumber maklumat kepada komuniti, organisasi dan media secara aktif dalam membina identiti masyarakat (Hayden & Ball-Rokeach, 2009) yang berjiwa kesukarelaan.

Komunikasi media sosial


Media sosial merupakan aktiviti, amalan dan tingkah laku komuniti dalam bertemu, berhubung, berkongsi maklumat dan pengetahuan melalui komunikasi (Erdo-muu & Cicek, 2012), platform yang terbuka untuk perbincangan mengenai penglibatan belia (Sulaiman et al., 2012) yang semakin menurun. Antara jenis-jenis media sosial yang digemari oleh golongan belia adalah blog dan mikroblog, komuniti media maya, rangkaian sosial dan permainan dunia maya (Kaplan & Haelein, 2010), yang bilangan pengguna tersebut semakin meningkat hari demi hari.

Selain itu, media sosial merupakan penggunaan komunikasi yang sangat popular dalam kalangan komuniti (Georgescua & Popescul, 2015; Gil et al., 2012). Situasi ini boleh dimanfaatkan sebagai kaedah membangunkan penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan (Tim et al., 2014) dalam komuniti. Kajian juga menunjukkan wujud hubungan antara penggunaan media sosial dengan penglibatan.

Selain itu, Warren et al. (2014) dan Park et al. (2009) menyatakan komunikasi sivik berdasarkan *Facebook* juga semakin berkembang untuk memudahkan pencarian, perkongsian dan perancangan maklumat agar individu dapat merancang dan menggerakkan ahli dengan berkesan. Perbincangan isu-isu semasa secara interpersonal dalam kalangan belia secara atas talian, (Zuniga et al., 2012) turut mempunyai kesan positif terhadap penglibatan kesukarelaan.

Model konsep

Mengambil panduan daripada Teori Komunikasi Infrastruktur dan dapatan kajian lepas, boleh dibuat hipotesis bahawa tingkah laku belia dalam komunikasi interpersonal, keterlibatan belia dalam komunikasi dengan komuniti organisasi, serta pendedahan belia dengan komunikasi media khususnya media baru akan mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan peringkat komuniti. Cadangan interaksi antara faktor-faktor peramal tersebut dengan pemboleh ubah kriteria iaitu penglibatan ditunjukkan dalam Rajah 2 yang berikut.



Rajah 2. Faktor peramal penglibatan belia dalam kesukarelawanan

Dalam model konsep ini, tingkah laku komunikasi antara belia dengan ahli keluarga, dengan jiran-jiran, dengan rakan sebaya dan dengan anggota komuniti berlainan etnik didefinisikan sebagai elemen komunikasi interpersonal. Manakala komunikasi organisasi peringkat komuniti dan komunikasi media peringkat komuniti dicadangkan sebagai konstruk peramal yang berbeza. Oleh kerana ketiga-tiga konstruk peramal itu berada dalam lingkungan amalan komunikasi seseorang belia, seharusnya tiga konstruk tersebut saling berkorelasi antara

satu sama lain. Berdasarkan teori dan literatur yang dianalisis dan disintesis, ketiga-tiga konstruk komunikasi interpersonal, komunikasi organisasi dan komunikasi media ini akan mempengaruhi keterlibatan belia dalam aktiviti kesukarelaan, khususnya pada peringkat komuniti masing-masing.

Kesimpulan

Melalui sorotan ini, boleh dirumuskan bahawa tingkah laku penglibatan belia boleh diramal melalui budaya komunikasi interpersonal, budaya komunikasi maya melalui media dan keterlibatan atau interaksi mereka dengan organisasi peringkat komuniti sama ada rukun tetangga, kelab kebajikan dan sebagainya. Pada setiap masa, belia seharusnya perlu dibimbang dan diberi galakan supaya memiliki dan mengamalkan komunikasi interpersonal yang berkesan dalam konteks keluarga, rakan sebaya, dengan jiran-jiran dan dengan ahli komuniti yang berlainan etnik. Ibu bapa dan warga dewasa dalam komuniti perlu sentiasa cakna untuk memastikan kemahiran ini dimiliki dan dipraktikkan secara berkesan oleh remaja dan belia dalam kejiranan masing-masing.

Pengabaian oleh warga komuniti dewasa terhadap golongan belia boleh menyebabkan mereka memilih jalan sendiri dengan hanya berada dalam kelompok rakan sebaya, buat hal mereka, serta mengasingkan diri daripada elemen komuniti khususnya kerja-kerja kesukarelawanan. Golongan dewasa perlu berusaha untuk menarik golongan belia supaya bersama-sama dalam sebarang aktiviti komuniti seperti gotong royong, keselamatan kejiranan, kenduri kendara, urus kematian dan sebagainya. Dalam hal ini, golongan dewasa yang lebih berpengalaman perlu lebih kreatif untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan golongan belia dalam kejiranan masing-masing. Golongan dewasa juga perlu sentiasa sabar dan tidak cepat berputus asa untuk mendidik belia supaya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti komuniti.

Selari dengan obsesi golongan belia dengan media maya, pemimpin organisasi peringkat komuniti juga boleh memanfaatkan kecenderungan ini untuk melibatkan belia dengan sebarang aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Teruskan berhubung dan menyalurkan maklumat kepada mereka melalui kumpulan *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya. Jangan lupa selitkan elemen galakan, pujian dan penghargaan apabila berinteraksi dengan golongan muda ini sebagai pemangkin semangat untuk mereka terus melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan. Belia adalah golongan yang berjiwa muda, mereka seringkali obses terhadap perhatian dan pengiktirafan. Perhatian dan penghargaan secara berterusan oleh organisasi komuniti akan merangsang minta mereka untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti anjuran organisasi komuniti seperti Kelab Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Jawatankuasa rumah ibadat dan sebagainya.

Dalam konteks teoritikal, kertas konsep ini berjaya membina sebuah model hipotesis faktor penentu terhadap keterlibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan peringkat komuniti. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk meneliti kesepadan antara model cadangan ini dengan amalan sebenar di lapangan, sekaligus menambahbaikkan lagi model ini bagi sumbangan teoritikal keilmuan dan penambahbaikan dalam amalan kemasyarakatan.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran FRGS Fasa 1 2017, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia.

Rujukan

Azizan Bahari (2002) *Menghayati kerja sukarela*. Qarya Sdn Bhd., Petaling Jaya.

- Ball-Rokeach SJ (2001) Metamorphosis white paper series: White Paper 1, community storytelling, storytelling community: Paths to belonging in diverse Los Angeles residential areas. Communication Technology and Community Program, Annenberg School for Communication, University of Southern California.
- Ball-Rokeach SJ (1985) The origins of individual media system dependency: A sociological framework. *Communication Research* **12**, 485-510.
- Ball-Rokeach SJ, Kim YC, Matei S (2001) Storytelling neighbourhood: Paths to belonging in diverse urban environments. *Communication Research* **28**, 392-428.
- Barry C, Wentzel K (2006) Friend influence on prosocial behavior: The role of motivational factors and friendship characteristics. *Developmental Psychology* **42**, 153-163.
- Ball-Rokeach SJ, Gibbs J, Gutierrez Hoyt E, Jung JY, Kim YC, Matei S, Wilson M, Yuan, Y, Zhang L (2000) *The challenge of belonging in the 21st century: The case of Los Angeles* (White Paper 1). Los Angeles, Annenberg School for Communication, University of Southern California.
- Ball-Rokeach SJ, Kim YC, Matei S (2001) *Communication infrastructure and neighbourhood belonging* (Working paper). Los Angeles, Annenberg School for Communication, University of Southern California.
- Cohen S, Robert EK (1978) Participation of blacks, puerto ricans, and whites in voluntary associations: A test of current theories. *Social Forces* **56**, 1053-1071.
- Delli Carpini (2000) Gen.com: Youth, civic engagement, and the new information environment. *Political Communication* **17**, 341-349.
- Ezhar Taman, Madiha Hashmi (2015) Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: The role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. *International Journal of Adolescence and Youth*, 1-14.
- Ellison, Christopher G, Bruce London (1992) The social and political participation of Black Americans. *Social Forces* **70**, 681-701.
- Erdogmus IE, Cicek M (2012) The impact of social media marketing on brand loyalty. *Procedia Social and Behavioral Sciences* **58**, 1353-1360.
- Flanagan C, Cumsille P, Gill S, Gallay L (2007) School and community climates and civic commitments: Processes for ethnic minority and majority students. *Journal of Educational Psychology* **99**, 421-431.
- Georgescua M, Popescula D (2015) Social media: The new paradigm of collaboration and communication for business environment. *Procedia Economics and Finance* **20**, 277-282.
- Gil de Zúñiga H, Jung N, Valenzuela S (2012) Social media use for news and individuals' social capital, civic engagement and political participation. *Journal of Computer-Mediated Communication* **17**, 319-336.
- Grootaert, C. & Narayan, D (2004) Local Level Institutions, Poverty and Household Welfare in Bolivia. *World Development* **27**, 1179-1198.
- Gudykunst, William B (1994) *Bridging differences* (2nd ed.) *Interpersonal Commtexts* **3**. Thousand Oaks, Sage.
- Head, B. W (2011) Why not ask them? Mapping and promoting youth participation. *Children and Youth Services Review* **33** (4), 541-547.
- Haslinda Abdullah, Dzuhalimi Dahalan, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdul-lateef Abdullah, Gill, Nobaya Ahmad (2012) Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. *Malaysia Journal of Society and Space* **7** (7), 13-19.
- Haski-Leventhal, D., Cnaan, R., Handy, F., Brudney, J. L., Holmes, K., Hustinx, L., et al (2008) Students' vocational choices and voluntary action: A 12 nation study. *Voluntas* **19** (1), 1-21.
- Haslina, et al (2012) Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. *Malaysia Journal of Society and Space* **8** (7), 13-19
- Ho, E., Clarke, A., & Dougherty, I (2015) Youth-led social change: Topics, engagement types, organizational types, strategies, and impacts. *Futures* **67**, 52-62.

- Hayden, C., & Ball-Rokeach, S. J (2007) Maintaining the Digital Hub: Locating the Community Technology Center in a Communication Infrastructure. *New Media and Society* **9** (2), 235-257.
- Huntington, Samuel P. and Joan M. Nelson (1976) *No Easy Choice*. Cambridge, Harvard University Press.
- Ibrahim, et al (2012) Faktor Penentu Tahap Kesukarelawanan Dalam Kalangan Belia Berpersatuan Di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan Kumpulan Etnik. Laporan penyelidikan UMT, tidak diterbitkan.
- Kahne, J. and Sporte, S (2008) Developing Citizens: The Impact of Civic Learning Opportunities on Students' Commitment to Civic Participation. *American Educational Research Journal* **45** (3), 738-766.
- Kaplan, Andreas M.; Michael Haenlein (2010) Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media. *Business Horizons* **53** (1), 59–68
- Kim, Y. C., Ball-Rokeach, S. J., Cohen, E. L., & Jung, J.-Y (2002) Metamorphosis of civic actions post September 11th: From local storytelling networks to national action. In B. Greenberg (Ed.), *Communication and Terrorism* (pp. 289–304). Cresskill, NJ: Hampton Press.
- Kim, Y.-C (2003) Storytelling community: Communication infrastructure and neighborhood engagement in urban. Unpublished doctoral dissertation, University of Southern California, Los Angeles, CA. 230
- Kim, Y.-C., & Ball-Rokeach, S (2006a) Civic engagement from a communication infrastructure perspective. *Communication Theory* **16** (2), 173-197.
- Kim, Y.-C., & Ball-Rokeach, S (2006b) Community storytelling network, neighborhood context, and civic engagement: A multilevel approach. *Human Communication Research* **31** (4), 411-439.
- Kim, Y.-C., Jung, J.-Y., & Ball-Rokeach, S (2006) "Geo-ethnicity" and neighborhood engagement: A communication infrastructure perspective. *Political Communication* **23** (4), 421-441.
- Kim, Y. C., & Ball-Rokeach, S. J (2006) Civic engagement from a communication infrastructure perspective. *Communication Theory* **16** (2), 173-197.
- Korten, D. C (1987) *Community Management: Asian Experience and Perspectives*. West Hartford, Kumarian Press.
- Kramer, M. W (2011) Toward a communication model for socialization of voluntary members. *Communication Monographs*, **78**: 233-255.
- Kramer, M. W., Gosset, L. M. & Lewis L. K. (2013) *Volunteering and communication: Studies from multiple contexts*. New York, Peter Lang.
- Kwok Chin Hoe, Asnarulkhadi Abu Samah, Ahmad Hariza Hashim, Ma'ruf Redzuan, Wan Munira Wan Jaafar (2015) Peranan organisasi berdasarkan komuniti (OKB) dalam pembangunan komuniti: Satu pemerhatian awal. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Kuo WH (1977) Black political participation: A reconsideration. *Journal of Political and Military Sociology* **5**, 1-16.
- Lenzi M, Vieno A, Perkins DD, Santinello M, Pastore M, Mazzardis S (2012) Perceived neighborhood social resources as determinants of prosocial behavior in early adolescence. *American Journal of Community Psychology* **50**, 37-49.
- Loges W, Ball-Rokeach S, Qiu JL (2003) Broken bonds at work, broken bond at home: A theoretical connection. How workplace changes impact families, work and communities, 28th Feb-1st March, Orlando Florida.
- London B, MW Giles (1987) Black participation: Compensation or ethnic identification? *Journal of Black Studies* **18**, 1-7.
- McIntosh H, Hart D, Youniss J (2007) The influence of family political discussion on youth civic development: Which parent qualities matter? PS: *Political Science and Politics* **40**, 495-499.

- McLellan JA, Youniss J (2003) Two systems of youth service: Determinants of voluntary and required youth community service. *Journal of Youth and Adolescence* **32**, 47-58.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak, Abd. Hair Awang (2011) Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat ‘kampung bandar’: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* **7**, 36-44.
- Nor Wahiza Abdul Wahat, Rahimah Ibrahim, Mazanah Muhammad (2009) Kesukarelawanan sebagai alternatif terapi sosial. In: Maimunah Ismail (eds). *Melestari Pembangunan Masyarakat Melalui Pendidikan Berterusan*. pp. 89-110. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Park N, Kee KF, Valenzuela S (2009) Being immersed in social networking environment: facebook groups, uses and gratifications, and social outcomes. *Cyber Psychology & Behavior* **12**, 729-733.
- Rosenthal S, Feiring C, Lewis M (1998) Political volunteering from late adolescence to young adulthood: Patterns and predictors. *Journal of Social Issues* **54**, 477-493.
- Rumaya Johari, Rozumah Baharuddin (2004) *Pengantar pembangunan manusia perspektif ekologi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Sampson Robert J, Jeffrey D Morenoff, Thomas Gannon-Rowley (2002) Assessing neighborhood effects: social processes and new directions in research. *Annual Review of Sociology* **28**, 443-479.
- Sarimah Ismail (2014) Youth volunteerism in Chow Kit, Malaysian: Factors of involvement. *International Conference on Global Trends in Academic Research*. Kuala Lumpur, 2-3 Jun.
- Sheu Tsuey Chong (2011). Enhancing youth civic engagement and generalized trust through bonding social capital among friends. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity* **19**, 57-64.
- Siti Rabaah H, Turiman S, Azimi H, Ezhar T (2012) The influences of sociological factors towards hedonistic behavior among Malaysian youth. The Graduate Research in Education Seminar GREduc. Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia. 18 November.
- Smetana JG, Crean HF, Campione-Barr N (2005) Adolescents’ and parents’ changing conceptions of parental authority. *New Directions for Child and Adolescent Development* **108**, 31-46.
- Smetana JG, Metzger A, Gettman DC, Campione-Barr N (2006) Disclosure and secrecy in adolescent-parent relationships. *Child Development* **77**, 201-217.
- Tim (2014) Social media as boundary objects: A case of digitalized civic engagement in Malaysia. *25th Australian Conference on Information System Social Media as Boundary Objects for Civic Engagement* Auckland, New Zealand. 8-10 December.
- UNESCO (2012) Social and human sciences: Acting with and for youth Available from: <http://www.unesco.org>
- Teuku Afrizal, Abdul Rahman Embong (2013) Komuniti dan pengurusan persekitaran: Beberapa pengalaman Malaysia, Bangladesh, Zambia dan Vietnam. *Kertas Kajian Malaysia* **31**, 65-86.
- Toks Oyedemi (2015) Participation, citizenship and internet use among South African youth. *Telematics and Informatics* **32**, 11-22.
- Warren AM, Sulaiman A, Jaafar NI (2014) Facebook: The Enabler of online civic engagement for activist. *Computer in Human Behavior* **32**, 284-289.
- Weinstock H, Berman S, Cates W (2004) Sexually transmitted diseases among American youth: Incidence and prevalence estimates, 2000. *Perspectives on Sexual and Reproductive Health* **36**, 6-10.
- Wilkin HA, Katz VS, Ball-Rokeach SJ (2009) The role of family interaction in new immigrant Latino’s civic engagement. *Journal of Communication* **59**, 387-406.
- Wilson J (2000) Volunteering. *Annual Review of Sociology* **26**, 215-240.

Zhang W, Lallana E (2013) Youth, ICTs, and civic engagement in Asia. *International Communication Gazette* **75**, 249-252.

Zuniga HG, Jung N, Valenzuela S (2012) Social media use for news and individuals' social capital, civic engagement and political participation. *Journal of Computer-Mediated Communication* **17**, 319-336.